Kucing menyelit tepi bayi

Cakera padat bunyi bayi dapat mudahkan penerimaan haiwan peliharaan terima perubahan

PASANGAN yang bakal menimang cahaya mata sebenarnya mempunyai masa berbulan-bulan untuk bersedia menerima kehadiran orang baru dalam keluarga.

Menurut pakar, persediaan ini haruslah membabitkan perancangan masa yang hendak diluangkan untuk haiwan peliharaan.

Ini kerana kehadiran bayi mengubah keseluruhan hidup haiwan peliharaan - daripada keadaan rumah, bau dan bunyi.

Menurut veterinar dan pengkaji perlakuan haiwan di San Francisco, Amerika Syarikat, Sophia Yin, membuat persediaan dan beberapa perubahan sebelum kelahiran bayi boleh membantu mengurangkan kerisauan ibu bapa dan haiwan peliharaan.

Turut dicadangkan supaya pasangan membeli cakera padat atau rakaman suara bayi, termasuk bunyi rengekan dan tangisan. Menggabungkan latihan bunyi dengan 'hadiah' akan memudahkan penerimaan haiwan peliharaan untuk perubahan ini.

Gunakan bedak, syampu dan losen bayi sebelum anak dilahirkan. Ketika bayi masih berada di hospital, ambil selimut atau bajunya dan bawa balik ke rumah supaya haiwan peliharaan 'biasa' dengan bau si kecil.

Paling penting, menurut Pengurus Program Kesihatan Masyarakat The BirthPlace Santa Monica-Hospital Ortopedik dan Pusat Kesihatan UCLA, Lynn Sullivan, periksa kesihatan haiwan peliharaan supaya ia bebas daripada kutu (pepijat), parasit atau masalah lain.

Bagi pemilik kucing, sekiranya kucing itu bunting, pastikan ia terpelihara daripada toksoplasmosis.

Parasit penyebab toksoplasmosis selalunya ditemui dalam najis kucing, jadi pakai sarung tangan atau minta bantuan orang lain untuk membersihkan kotak najis kucing.

Menurutnya, kucing boleh menjadi haiwan peliharaan yang terbaik kerana mereka selalunya tidak mengendahkan bayi. Namun pada masa sama, kucing juga ada sifat ingin tahu, justeru ada kemungkinan mereka melompat dan mendekati bayi.

Lynn teringat pengalamannya sendiri bagaimana kucingnya melompat masuk ke dalam katil bayi dan enggan keluar dari katil berkenaan ketika anak lelakinya masih kecil.

"Saya biarkan saja apabila melihat kucing saya hanya berbaring di sebelah anak. Tetapi saya tidak boleh bersabar apabila dia mencakar anak saya. Saya terus carikan rumah baru (penjaga baru) untuknya.

"Bayi sangat lemah. Mereka tidak boleh buat apa-apa. Jadi tidak kira berapa baik dan 'terdidik' pun haiwan peliharaan anda, jangan sekalikali tinggalkan anak anda bersendirian dengan haiwan," katanya.

Apabila Sophia Yin membicarakan soal kucing dan bayi, soalan yang sering diajukan kepadanya ialah - bolehkah kucing membuatkan bayi lemas ketika ia menjilat susu dari muka bayi?

"Jawapannya tidak. Kucing tidak akan membuatkan bayi lemas atau tidak cukup nafas, tetapi ia suka menyelit dan mengerekot di tepi bayi kerana badan bayi yang panas," katanya.

Kucing juga tidak suka permukaan yang melekit. Jadi untuk mengelakkan kucing daripada tidur dalam katil bayi, tutup bahagian luar dengan kertas lekit atau letakkan pelekat dwimuka.

Apabila bayi mula bergerak dan merangkak, ia menimbulkan cabaran baru kepada haiwan peliharaan terutama anjing yang penakut.

"Anjing ini menunjukkan reaksi untuk menjauhkan diri daripada bayi. Kalau bayi anda tidak mendekatinya tidak mengapalah. Tetapi jika bayi anda asyik mendekati dan mengekorinya, anjing berkenaan boleh menjadi garang kerana mahu mempertahankan diri," katanya.

Bagaimanapun, kebanyakan anjing akan menerima peranan baru sebagai kawan atau pelindung, kata Sophia. Tetapi ada juga keadaan di mana anjing ini tidak mahu atau tidak boleh berbuat begitu.

Ia mungkin disebabkan mereka mengalami masalah sakit sendi (artritis) terutama bagi anjing yang sudah tua.

Pukulan kanak-kanak kecil adakalanya menyakitkan dan ia boleh menyebabkan haiwan peliharaan mencakar. Malah, anjing juga boleh bertukar garang sebagai tindak balas kepada perlakuan kanak-kanak yang nakal seperti meludah atau 'bergusti' dengan mereka.

Sophia mendapati sesetengah kanak-kanak sangat agresif terhadap haiwan dan mereka perlu diajar daripada kecil untuk menyayangi haiwan.